

Headline	Ekspedisi jejak cendawan susu harimau		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	06 Jul 2012	Circulation	192,982
Section	Nasional	Readership	1,521,000
Page No	14,15	ArticleSize	1508 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 50,858
Journalist	N/A	PR Value	RM 152,575
Frequency	Daily		



A JOHOR ENDAU-ROMPIN



Bee Kin menunjukkan cendawan jenis anti tumor 'Microporus affinis' ketika ekspedisi saintifik Selai Peta Taman Negara Endau Rompin di Kem Bertedung bagi melakukan kajian ilmiah.

Ekspedisi jejak cendawan susu harimau

»Spesies penawar kanser sukar ditemui di hutan lain



**Muhamad Yusof
Abu Bakar**
Wartawan



**Syed
Mohd Ridzuwan**
Wartawan

**Nashairi
Mohd Nawi**
Jurugambar

Segamat

Pencarian cendawan susu harimau yang mampu mengubati kanser adalah antara spesies yang menjadi tumpuan penyelidik ketika Ekspedisi Saintifik Taman Negara Johor Endau-Rompin (TNJER) yang diadakan sejak beberapa hari lalu.

Dengan nama saintifiknya *Lignosus rhinocerus*, ia dikatakan mempunyai khasiat perubatan dan pernah ditemui Orang Asli suku Jakun yang tinggal di pinggir taman negara.

Menurut pegawai penyelidik



Podosypha

• Tumbuh pada kayu di kawasan tropika suhu 35 hingga 42 derajat Celsius.


• 35 spesies.

Microporus Affinis

• Sejenis kulat di Afrika dan Asia (terutama Malaysia dan Australia).

• 11 spesies.

• Kelopak boleh membesar hingga 150 milimeter dan mampu menakung air.



Peserta meniti balak menyeberangi sungai.

Bahagian Biodiversiti Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Thi Bee Kin, ada Orang Asli mendakwa pernah memberikan cendawan itu kepada isterinya yang menghidap barah payu dara dan penyakit itu sembuh.

"Ia sukar ditemui. Selama ini ia hanya dikesan di hutan Taman Negara Royal Belum, Perak dan kawasan Taman Negara Terengganu. FRIM sedang mengkaji cendawan ini kerana ia dapat mengubati penyakit barah, lelah dan penyakit lain."

"Orang Asli di sini mendakwa pernah menemui cendawan ini

dan ada yang menjualnya dengan harga RM30 hingga RM300 mengikut saiz.

"Bagaimanapun, cendawan itu amat sukar ditemui kerana ia hanya tumbuh di kawasan tertentu dan kebiasaannya tumbuh secara tunggal."

"Jika benar dakwaan ada cendawan itu di sini, bermakna kawasan taman negara ini menyimpan khasiat perubatan yang tidak ternilai. Mencarinya memang sukar kerana ia tumbuh di kawasan tertentu dan kita berharap dapat mememuinya dalam tempoh penyelidikan," katanya.

Headline	Ekspedisi jejak cendawan susu harimau		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	14,15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1508 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 50,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,575



Hexagonia sp

• Tumbuh di benua Eropah dan Amerika Utara.
• Berasal dari spesis polyporaceae dan mengandungi 16 spesies.
• Turut membiak di hutan tropika seperti Malaysia.



Dead man finger

• Beracun.
• Membiak di hutan tropika dan sebahagian besar hutan di New Zealand.



Gonoderma sp

• Dikenali sebagai cendawan 'keabadian' di China dan Jepun
• Untuk rawatan insomnia, gastrik, radang buah pinggang, tekanan darah tinggi dan keracunan
• 16 spesies



tempoh penyelidikan," katanya.

Lebih 27 spesies cendawan dan kulat ditemui dalam ekspedisi setakat ini, termasuk yang berpotensi digunakan dalam bidang perubatan.

Penemuan awal mendapati tiga daripadanya mempunyai potensi dimajukan dalam bidang perubatan selepas kajian dilaksanakan.

Spesies itu adalah jenis cendawan 3K, iaitu Microporus affinis, Microporus xanthopus dan Amourderma. Penemuan itu membuktikan TNJER perlu diperlihara daripada sebarang pencerobohan bagi menjaga sumber alam yang bernilai tinggi.



Pegawai Penyelidik mengambil contoh air sungai.

Warta hutan langkah terbaik

Langkah kerajaan Johor dan Perak mewartakan kawasan hutan untuk dijadikan taman negara supaya khazanah biodiversiti negara terjamin perlu dicontohi.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Melayus (MNS) Prof Dr Maketab Mohamed, berkata masih banyak negeri belum mewartakan kawasan hutan simpan untuk dijadikan taman negara di bawah pengurusan negeri.

Johor mempunyai Taman Negara Johor (TNJ) Endau Rompin, TNJ Kepulauan Mersing, TNJ Kukup, TNJ Tanjung Piai dan TNJ Gunung Ledang.

"Perak memiliki Taman Negara Royal Belum, selain Sabah dan Sarawak yang mempunyai mempunyai taman negara sendiri," katanya ketika ditemui di Kem Bertedung.

TNJER diwartakan pada 1989 selepas MNS menjalankan penyelidikan saintifik pada 1985-1986 dan merekodkan penemuan baru, terutama fauna dan flora.

Maketab berkata, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang mempunyai kawasan hutan yang luas perlu mewartakkannya sebagai kawasan taman negara bagi membolehkan biodiversiti dipulihara.

"Ia penting bagi memastikan sumber hutan sama ada tumbuhan, hidupan liar dan kepelbagaiannya biologi lain terpulihara dan tidak dimusnahkan atas nama pembangunan."

"Hutan di setiap negeri perlu dilindungi daripada pencerobohan terutama pembalakan, pembukaan tanah pertanian secara haram dan pemburuan haram," katanya.